

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S20/2024	Cadangan Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan 14, Taman Titiwangsa, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	KKM (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	080101 / 080199	RM100.00	6 Mac 2024 Hingga 20 Mac 2024
MPKj S21/2024	Cadangan Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan DB 6/3, Taman Desa Budiman, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S22/2024	Cadangan Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan TPS 2/10, Taman Pelangi Semenyih 2, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S23/2024	Cadangan Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan Parklands 3, Taman Semenyih Parklands, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S24/2024	Cadangan Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan BM 2/22, Taman Bukit Mahkota, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S25/2024	Cadangan Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan Perkasa Indah 6, Taman Perkasa Indah, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S30/2024	Cadangan Membina Gelanggang Futsal Di Kawasan Lapang Taman Perindustrian Sri Haneco, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G2	CE21	RM150.00	

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **6 MAC 2024 HINGGA 20 MAC 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 20 MAC 2024 (RABU) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.